



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 49**

**19hb Januari 2006**

**No. 2**

---

---

**No. 40.**

## **PERISYTIHARAN**

OLEH AL SULTAN ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang), D.K. (Selangor), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K. (Perak), D.K. (Brunei), D.P. (Sarawak), D.U.N.M., S.P.M.K., S.S.D.K., D.H.M.S., D.G.M.K., Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John, SULTAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI KEDAH DARUL AMAN DAN SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

(MOHOR KERAJAAN)

TUANKU ABDUL HALIM ALHAJ  
*Sultan Negeri Kedah Darul Aman*

BAHAWASANYA menurut Perkara 35 Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman telah diperuntukkan supaya dilantik seorang Menteri Besar di dalam Negeri ini dan pelantikan itu dibuat dengan tauliah yang mengandungi Tandatangan BETA dan dimeteri dengan Mohor Kerajaan.

DAN BAHAWASANYA mengikut Perkara 37(2)(a) Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman BETA hendaklah melantik sebagai Menteri Besar bagi mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang BETA fikir boleh mempengaruhi kepercayaan kebanyakan daripada Ahli-ahli di dalam Dewan Undangan Negeri.

OLEH YANG DEMIKIAN BETA, AL SULTAN ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, Raja dan Ketua bagi Darjah Kerabat Yang Amat Mulia Kedah, Raja dan Ketua bagi Darjah Kerabat Halimi Yang Amat Mulia Kedah, Darjah Kerabat DiRaja Malaysia, Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Raja dan Ketua bagi Darjah Utama Kedah, Raja dan Ketua bagi Darjah Utama Seri Mahawangsa Yang Amat Dihormati, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Kelantan), Darjah Kerabat Seri Indera Mahkota (Pahang), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Selangor), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra (Perlis), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Johor Kelas Pertama, Darjah Kebesaran Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia Darjah Yang Pertama, Darjah Kerabat Perak Yang Amat Dihormati, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Brunei), Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (Sarawak), Darjah Utama Seri Melaka, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kedah Yang Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Setia DiRaja Kedah Yang Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Kedah Yang Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati, Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John, Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Kedah Darul Aman dan segala Daerah Takluknya mengangkat DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, D.P.M.P., B.K.M., sebagai Menteri Besar Kedah Darul Aman untuk menjalankan dan melaksanakan segala kekuasaan dan perintah jawatan Menteri Besar dan Ketua Majlis Mesyuarat Kerajaan yang terkandung di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman atau Undang-undang yang lain serta mengikut titah perintah yang DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, D.P.M.P., B.K.M., akan terima daripada BETA mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman atau Undang-undang lain.

DAN lagi inilah BETA bertitah pada sekalian pegawai BETA dan rakyat BETA yang dikasihi yang ada di dalam Negeri Kedah Darul Aman ini dan pada sekalian mereka yang lain yang ada bersangkutan dengan perkara ini hendaklah ambil berat dan ingat akan hal ini dan ikut turut dengan taatnya.

Diperbuat di Istana Anak Bukit, Alor Star pada 26hb Zulkaedah 1426 bersamaan dengan 28hb Disember 2005.

Dengan Titah

DATO' WIRA HAJI SYED UNAN MASHRI BIN SYED ABDULLAH,  
D.G.M.K., D.S.D.K., B.M.S., A.M.K., B.C.K.  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman*

[PSU(K) 882/1426]

## PROCLAMATION

BY AL SULTAN ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN  
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, D.K., D.K.H., D.K.M.,  
D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang), D.K.  
(Selangor), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor), D.K.  
(Terengganu), D.K. (Perak), D.K.(Brunei), D.P. (Sarawak), D.U.N.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., D.H.M.S., D.G.M.K., Grand Cordon of The Order  
of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana  
(Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand  
Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John,  
SULTAN AND RULER OF THE STATE OF KEDAH DARUL AMAN  
AND ALL ITS DEPENDENCIES.

(STATE SEAL)

TUANKU ABDUL HALIM ALHAJ  
*Sultan of Kedah Darul Aman*

WHEREAS by virtue of Article 35 of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman it is provided that there shall be a Menteri Besar in the State and the appointment to the said office shall be made by Instrument under MY Sign Manual and the State Seal.

AND WHEREAS by Article 37(2)(a) of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman I shall appoint a Menteri Besar to preside over the Executive Council a Member of the State Legislative Assembly who in MY judgement is likely to command the confidence of the majority of the Members of the Assembly.

THEREFORE I, AL SULTAN ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, Sovereign and Chief of the Most Esteemed Royal Family Order of Kedah, Sovereign and Chief of the Darjah Kerabat Halimi Yang Amat Mulia Kedah, Darjah Kerabat DiRaja Malaysia, Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Sovereign and Chief of the Supreme Order of Merit of Kedah, Sovereign and Chief of the Darjah Utama Seri Mahawangsa Yang Amat Dihormati, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Kelantan), Darjah Kerabat Seri Indera Mahkota (Pahang), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Selangor), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra (Perlis), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Johor Kelas Pertama, Darjah Kebesaran Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia Darjah Yang Pertama, Darjah Kerabat Perak Yang Amat Dihormati, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Brunei), Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (Sarawak), Darjah Utama Seri Melaka, Sovereign and Chief of the Honourable Order of the Crown of Kedah, Sovereign and Chief of the Darjah Kebesaran Setia DiRaja Kedah Yang Dihormati, Sovereign and Chief of the Darjah Kebesaran Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Kedah Yang Dihormati, Sovereign and Chief of the Darjah Kebesaran Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati, Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John, Sultan and Ruler of the State of Kedah Darul Aman and all its Dependencies, appoint DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, D.P.M.P., B.K.M., as Menteri Besar and Chief of the Executive Council in the State of Kedah Darul Aman to exercise and perform all and singular the powers and directions of the Menteri Besar as contained in the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman or any other laws, and according to such command as DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, D.P.M.P., B.K.M., may receive from Me in accordance with the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman or any other Laws.

AND further I do hereby command all and singular officers and loving subjects in the State of Kedah Darul Aman and to all others whom it may concern by this command to take extra care and remember this command and to follow it faithfully.

Given at Istana Anak Bukit, Alor Star this 26th day of Zulkaedah 1426 corresponding to the 28th day of December 2005.

By Command

DATO' WIRA HAJI SYED UNAN MASHRI BIN SYED ABDULLAH,  
D.G.M.K., D.S.D.K., B.M.S., A.M.K., B.C.K.  
*State Secretary Kedah Darul Aman*

[PSU(K) 882/1426]

No. 41.

BISMILLA HIRRAHMA NIRRAHIM  
TAULIAH MELANTIK  
DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID,  
D.P.M.P., B.K.M.  
MENJADI  
MENTERI BESAR, NEGERI KEDAH DARUL AMAN

(MOHOR KERAJAAN) TUANKU ABDUL HALIM ALHAJ  
*Sultan Negeri Kedah Darul Aman*

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه اجمعين

MAKA ADALAH KAMI AL SULTAN ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, Raja dan Ketua bagi Darjah Kerabat Yang Amat Mulia Kedah, Raja dan Ketua bagi Darjah Kerabat Halimi Yang Amat Mulia Kedah, Darjah Kerabat DiRaja Malaysia, Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Raja dan Ketua bagi Darjah Utama Kedah, Raja dan Ketua bagi Darjah Utama Seri Mahawangsa Yang Amat Dihormati, Darjah Kerabat Yang Amat

Dihormati (Kelantan), Darjah Kerabat Seri Indera Mahkota (Pahang), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Selangor), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra (Perlis), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Johor Kelas Pertama, Darjah Kebesaran Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia Darjah Yang Pertama, Darjah Kerabat Perak Yang Amat Dihormati, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Brunei), Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (Sarawak), Darjah Utama Seri Melaka, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Mahkota Kedah Yang Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Setia DiRaja Kedah Yang Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Kedah Yang Dihormati, Raja dan Ketua bagi Darjah Kebesaran Gemilang Seri Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati, Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John, Sultan dan Raja Pemerintah Negeri Kedah Darul Aman dan segala Daerah Takluknya.

BARANG DISAMPAIKAN KEPADA DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, yang KAMI harap, percaya dan kasihi dengan selamat sejahteranya.

BAHAWA mengikut Perkara 35 di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman telah diperuntukkan supaya dilantik seorang Menteri Besar di dalam Negeri ini dan pelantikan itu dibuat dengan tauliah yang mengandungi Tandatangan KAMI dengan meteri dan Mohor Kerajaan.

DAN BAHAWA mengikut Perkara 37(2)(a) di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman KAMI hendaklah melantik sebagai Menteri Besar bagi mengetuai Majlis Mesyuarat Kerajaan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang KAMI fikir boleh mempengaruhi kepercayaan oleh kebanyakan daripada Ahli-ahli di dalam Dewan Undangan Negeri.

OLEH KERANA ITU, ketahuilah DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, adalah KAMI dengan tauliah ini yang mengandungi Tandatangan KAMI dan dimeteri dengan Mohor Kerajaan melantik DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID menjadi Menteri Besar di dalam Negeri

Kedah Darul Aman dengan mempunyai segala kuasa-kuasa, hak-hak, kebebasan-kebebasan dan faedah-faedah yang tersebut di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman atau mana-mana Undang-undang bagi jawatan itu.

DAN KAMI membenar memberi kuasa dan menitahkan pada DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, menjalankan segala kekuasaan-kekuasaan dan perintah-perintah jawatan Menteri Besar yang terkandung di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman atau Undang-undang yang lain serta mengikut titah perintah yang DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID akan terima daripada KAMI mengikut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman atau lain-lain Undang-undang.

اوصيك بتقوى الله في السر والعلن بالعدل والاناة والاجتهاد في عملك وانا اسماء الله عزوجل ان يحسن عونك وتوفيقك ورشدك وكلاعتك والسلام.

Kepada engkau BETA berpesan supaya bertaqwa kepada Allah baik di dalam perkara yang sulit dan perkara yang nyata, BETA juga berpesan supaya engkau bersikap adil, saksama, bertenang, tiada terburu-buru dan menghalusi setiap urusan pekerjaan engkau. Kepada Allah BETA memohon restu agar engkau mendapat taufik dan hidayah dari Allah serta dianugerahkan kepada engkau kebijaksanaan, kematangan dan sentiasa mendapat pertolongan dan perlindungan dari Allah.

DAN LAGI inilah KAMI bertitah pada sekalian pegawai-pegawai KAMI dan rakyat-rakyat KAMI yang dikasihi yang ada di dalam Negeri Kedah Darul Aman ini dan pada sekalian mereka-mereka yang lain yang ada bersangkutan dengan perkara ini hendaklah ambil berat dan ingat akan hal ini dan ikut turut dengan taatnya.

Diperbuat tauliah ini di Istana Anak Bukit, Alor Star pada 26 haribulan Zulkaedah seribu empat ratus dua puluh enam hijrah bersamaan dengan 28 haribulan Disember dua ribu lima masihi, tahun yang keempat puluh enam BETA di atas Takhta Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman adanya.

IN THE NAME OF ALLAH, THE COMPASSIONATE  
THE MERCIFUL  
INSTRUMENT APPOINTING  
DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID,  
D.P.M.P., B.K.M.  
TO BE  
MENTERI BESAR, NEGERI KEDAH DARUL AMAN

(STATE SEAL)

TUANKU ABDUL HALIM ALHAJ  
*Sultan of Kedah Darul Aman*

*Praise be to Allah, the Lord of the Universe, and may the  
benedictions and peace of Allah be upon Our Leader Muhammad  
and upon all His Relations and Friends.*

WE AL SULTAN ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN  
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI  
ALMARHUM SULTAN BADLISHAH, Sovereign and Chief of the  
Most Esteemed Royal Family Order of Kedah, Sovereign and Chief of  
the Darjah Kerabat Halimi Yang Amat Mulia Kedah, Darjah Kerabat  
DiRaja Malaysia, Darjah Utama Seri Mahkota Negara, Sovereign and  
Chief of the Supreme Order of Merit of Kedah, Sovereign and Chief of  
the Darjah Utama Seri Mahawangsa Yang Amat Dihormati, Darjah  
Kerabat Yang Amat Dihormati (Kelantan), Darjah Kerabat Seri Indera  
Mahkota (Pahang), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Selangor),  
Darjah Kerabat Baginda Syed Putra (Perlis), Darjah Kerabat Yang  
Amat Dihormati (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat Yang Amat  
Dihormati Johor Kelas Pertama, Darjah Kebesaran Kerabat Terengganu  
Yang Amat Mulia Darjah Yang Pertama, Darjah Kerabat Perak Yang  
Amat Dihormati, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (Brunei),  
Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (Sarawak), Darjah Utama Seri  
Melaka, Sovereign and Chief of the Honourable Order of the Crown of  
Kedah, Sovereign and Chief of the Darjah Kebesaran Setia DiRaja  
Kedah Yang Dihormati, Sovereign and Chief of the Darjah Kebesaran  
Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Kedah Yang  
Dihormati, Sovereign and Chief of the Darjah Kebesaran Gemilang Seri  
Mahkota Kedah Yang Amat Dihormati, Grand Cordon of The Order of  
the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia),



Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John, Sultan and Ruler of the State of Kedah Darul Aman and all its Dependencies.

TO OUR TRUSTY AND WELL-BELOVED DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, Greeting.

WHEREAS by Article 35 of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman it is provided that there shall be a Menteri Besar in the State and the appointment to the said Office shall be made by Instrument under OUR Sign Manual and the State Seal.

AND WHEREAS by Article 37(2)(a) of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman there shall be appointed a Menteri Besar to preside over the Executive Council a Member of the State Legislative Assembly who in OUR judgement is likely to command the confidence of the majority of the Members of the Assembly.

NOW KNOW YE DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, that WE do by this OUR Instrument under OUR Sign Manual and the State Seal appoint you DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, to be OUR Menteri Besar in the State of Kedah Darul Aman with all the powers, rights, privileges and advantages as provided in the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman or any other Laws to the said Office belonging and appertaining.

AND WE do hereby authorise, empower and command you DATO' HAJI MAHDZIR BIN KHALID, to exercise and perform all and singular the powers and directions of the Menteri Besar as contained in the recited Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman or any other laws, and according to such instruction as you may receive from US in accordance with the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman or any other laws.

*By the Grace of ALLAH who is omniscient and is possessed of the attributes of justice and wisdom WE enjoin upon that you carry on your duties without haste and conscientiously and pray ALLAH that you may be given guidance, assistance, wisdom and protection with peace to you.*

AND We do hereby command all and singular, OUR officers and loving subjects in the State of Kedah Darul Aman, and all others whom it may concern, to take due notice hereof, and to give their ready obedience accordingly.

AND further I do hereby command all and singular officers and loving subjects in the State of Kedah Darul Aman and to all others whom it may concern by this command to take extra care and remember this command and to follow it faithfully.

Given at Istana Anak Bukit, Alor Star this 26th day of Zulkaedah one thousand four hundred and twenty- six corresponding to the 28th day of December two thousand and five being the fourty-seven year of OUR reign on the Throne of the State of Kedah Darul Aman.

[PSU(K) 882/1426]

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH DARUL AMAN  
(Perkara 35 dan Perkara 37(2)(a))  
LAWS OF THE CONSTITUTION OF KEDAH DARUL AMAN  
(Article 35 and Article 37(2)(a))

**No. 42.**

LANTIKAN MENTERI BESAR DAN KETUA MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN  
APPOINTMENT OF MENTERI BESAR AND CHIEF OF THE EXECUTIVE COUNCIL

Menurut Perkara 35 dan Perkara 37(2)(a) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah telah perkenan mengangkat dengan tauliah yang ada tandatangan Baginda yang dimeteri dengan Mohor Kerajaan, Dato' Haji Mahdzir bin Khalid, D.P.M.P., B.K.M., menjadi Menteri Besar dan Ketua Majlis Mesyuarat Kerajaan mulai daripada 28hb Disember 2005 (26hb Zulkaedah 1426).

By virtue of Article 35 and Article 37(2)(a) of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman, His Royal Highness the Ruler has been pleased to appoint by instrument under His Sign Manual and State Seal, Dato' Haji Mahdzir bin Khalid, D.P.M.P., B.K.M., to be Menteri Besar and Chief of the Executive Council with effect from 28th December 2005 (26th Zulkaedah 1426).

Bertarikh 28 Disember 2005

Dated 28 December 2005

[PSU(K) 882/1426]

KHARUDIN BIN ZAIN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah*

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH DARUL AMAN  
(Perkara 37(2)(b))  
LAWS OF THE CONSTITUTION OF KEDAH DARUL AMAN  
(Article 37(2)(b))

**No. 43.**

LANTIKAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN  
APPOINTMENT OF THE MEMBERS OF THE EXECUTIVE COUNCIL

Menurut kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 37(2)(b) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman, maka inilah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, dengan nasihat Menteri Besar melantik Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang tersebut di bawah ini menjadi Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman bagi tempoh selama satu tahun mulai daripada 28hb Disember 2005 bersamaan dengan 26hb Zulkaedah 1426.

By virtue of the power conferred upon him by Article 37(2)(b) of the Laws of the Constitution of Kedah Darul Aman, His Royal Highness the Ruler, on the advice of the Menteri Besar, hereby appoints the following members of the State Legislative Assembly to be the Member of the Executive Council of the State of Kedah Darul Aman for a period of one year with effect from 28th December 2005 corresponding to the 26th Zulkaedah 1426.

1. Yang Berhormat Dato' Ahmad Bashah bin Md. Hanipah, D.S.D.K., K.M.N., A.M.K., B.K.M., P.P.N., P.J.K., J.P.
2. Yang Berhormat Prof. Dato' Wira Dr. Haji Othman bin Haji Ishak, D.G.M.K., D.S.D.K.
3. Yang Berhormat Datuk Azimi bin Daim, D.M.S.M., P.J.K.
4. Yang Berhormat Dato' Chong Itt Chew, D.S.D.K., A.M.K., P.J.K.

5. Yang Berhormat Dato' V. Saravanan, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P.
6. Yang Berhormat Dato' Fong Chok Gin, D.S.D.K., B.K.M., J.P.
7. Yang Berhormat Dr. Shuib bin Saedin, A.M.K., B.K.M.
8. Yang Berhormat Ir. Haji Nawawi bin Haji Ahmad, A.M.K., B.K.M.
9. Yang Berhormat Puan Khalidah Adibah binti Ayob
10. Yang Berhormat Encik Othman bin Haji Aziz, B.K.M.

Bertarikh 28 Disember 2005  
Dated 28 December 2005  
[PSU(K) 1166/1383 JD. 6]

KHARUDIN BIN ZAIN  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)  
NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 44.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICES OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION (OR NEW ISSUE DOCUMENT  
IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab-sebab yang berikut:

Hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below for the following reasons:

Lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik
Sala Besar	1978 PTY(B) 17/2005	Hektar 0.3544 SPK 6086
" "	4484 PTY(B) 18/2005	2.3637 GM 999

Bertarikh 21 Disember 2005

Dated 21 December 2005

[PSU(K) 946-1379 Jd. 109. PDY(T) 88/82/B Jld. 4(59)]

MOHD FAUZI BIN MUSTAFFA  
*Pentadbir Tanah Yan  
Kedah*

**No. 45.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, maka inilah kenyataan bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code, notice is hereby given that it is proposed to issue title in continuation to the lands described in the Schedule below for the following reasons:

Lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik
Padang Temak	— PTPT/B/37/2005/I.H	Hektar 0.3162 SPK 1737
		0.4934 SPK 1741
		0.4625 SPK 1746
Tekai	— PTPT/B/38/2005/I.H	3.436 PM 2141
Pedu	— PTPT/B/39/2005/I.H	1.7224 GM 563
Tekai	— PTPT/B/40/2005/I.H	2.235 GM 1954
Belimbing Kiri	— PTPT/B/41/2005/I.H	1.2646 HS(M) 18/88
Kurong Hitam		0.3111 HS(M) 4/81

Bandar/Pekan Mukim	No. Lot/Bahagian dan No. Fail	Keluasan/Jenis dan No. Surat Hakmilik
Belimbing Kiri	— PTPT/B/42/2005/I.H	Hektar 0.8524 GM 376

Bertarikh 14 Disember 2005

Dated 14 December 2005

[PSU(K) 946-1379 Jd. 109. PTPT/B/3/1369 Jd. 6/(48)]

OTHMAN BIN EMBUN  
*Pentadbir Tanah Padang Terap  
Kedah*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

**No. 46.**

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATIONS OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud berikut:

Pengambilan Balik Tanah untuk Tujuan Awam untuk Projek Menaiktaraf Jalan dari Jitra melalui Koding, Kedah ke Arau, Perlis, Mukim Tunjang, Daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah Darul Aman.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Public Purpose i.e. Proposed Land Acquisition for the Road Upgrading Project from Jitra/Koding, Kedah to Arau, Perlis, Mukim of Tunjang, District of Kubang Pasu, State of Kedah Darul Aman.

2. A site plan of the area specified may be inspected during the normal hours of business in the District Land Office of which such site and areas are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

## Bandar—Tunjang. Daerah—Kubang Pasu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot  Hektar	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil  Hektar
27 Asal Lot 3062	GM 2175	Sharifah Sakinah bt. Syed Noor 42/504 bhg., Tunku Azita bt. Tunku Shuib 168/504 bhg., Tunku Mohar b. Tunku Mohamad Mokhtar 68/504 bhg., Tunku Zapora bt. Tunku Mohamad Mokhtar 34/504 bhg., Tunku Zarita bt. Tunku Mohd. Mokhtar 90/504 bhg., Tunku Mohar b. Tunku Mohamad Mokhtar sebagai Pemegang Amanah 1 bagi Pihak Tunku Muzaffar bin Tunku Mohamad Mokhtar 68/504 bhg. dan Tunku Mohar b. Tunku Mohd. Mokhtar sebagai Pemegang Amanah 2 bagi Pihak Tunku Zakiah Anum bt. Tunku Mohd. Mokhtar 34/504 bhg., Kaveat Pendaftar atas bahagian Tunku Mohar b. Tunku Mohamad Mokhtar sebagai Pemegang Amanah 1 dan Pemegang Amanah 2	0.1044	0.0219

Bertarikh 21 September 2005

Dated 21 September 2005

[PSU(K) 484-1424 Jd. 3. PTG.(K) L:74/2002(12C)]

ABDULLAH BIN HASHIM

*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian  
Kedah*

**No. 47.**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud berikut:

Projek ini adalah Diperlukan oleh Majlis Bandaraya Alor Star untuk Kemudahan Awam iaitu Simpanan Jalan Keluar Masuk 40' ke Taman Kinabalu, Mukim Pengkalan Kundor, Daerah Kota Setar, Negeri Kedah Darul Aman.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

This Project is Required by Majlis Bandaraya Alor Star for Public Utilities Purpose which is for the 40' Reserved Access Road to Taman Kinabalu, Mukim of Pengkalan Kundor, District of Kota Setar, State of Kedah Darul Aman.

2. A site plan of the area specified may be inspected during the normal hours of business in the District Land Office of which such site and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Pengkalan Kundor. Daerah—Kota Setar.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot  Hektar	Lebih kurang Luas yang hendak Diambil  Hektar
3229 DSM	GM 1816	Abdul Ghafar bin Shafei 89024/ 1318720 bhg., Abu Bakar bin Shafie 98024/1318720 bhg., Ahad bin Osman 89024/1318720 bhg., Haji Hashim bin Haji Marzuki 364000/1318720 bhg., Hassan bin Shafei 89024/1318720 bhg., Mahzir bin Mansor 63700/ 1318720 bhg., Mariah binti Mansor 63700/1318720 bhg., Maryam binti Mansor 63700/ 1318720 bhg., Mazizah binti Mansor 63700/1318720 bhg., Md. Mahtar bin Mansor 63700/ 1318720 bhg., Mohd. Marzuki bin Mansor 63700/1318720 bhg., Mohd. Mustaffa bin Mansor 63700/1318720 bhg., Mohsin bin Mansor 63700/1318720 bhg. dan Sopiah binti Shafie 89024/ 1318720 bhg.	1.2699	0.03925 (4230 k.p.)

Bertarikh 9 November 2005

Dated 9 November 2005

[PSU(K) 601-1426. PTG.(K) L:06/2004(10)]

FADZIL BIN ABDUL KADIR  
*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian*  
*b.p. Pengarah Tanah dan Galian*  
*Kedah*

**No. 48.**

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud berikut:



Tujuan Awam iaitu Pengambilan Balik Tanah untuk Tapak Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor, Mukim Bongor dan Bandar Baling, Daerah Baling, Negeri Kedah Darul Aman.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Public Purpose i.e. Proposed Land Acquisition for the Site of Sekolah Menengah Kebangsaan Bongor, Mukim of Bongor and Bandar Baling, District of Baling, State of Kedah Darul Aman.

2. A site plan of the area specified may be inspected during the normal hours of business in the District Land Office of which such site and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim—Bongor. Daerah—Baling.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot		Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
			E. R.	P.	E. R.	P.
644	GM 1848	Asiah binti Abd. Latep 1/2 bhg. dan Mohamad Shukri bin Abdul Hamid 1/2 bhg.	2	3 27.09	2	3 27.09
645	GM 1849	Zahrah binti Abdul Rahman 1280/ 2348 bhg. dan Zauyah binti Abdul Rahman 1068/2348 bhg.	3	1 31.98	3	1 31.98
646	GM 1850	Mat Rasol bin Hussain 1/1 bhg.	3	0 23.98	3	0 23.98
2629	GM 425	Fazidah binti Abu Bakar 1/3 bhg., Abu Bakar bin Sulaiman sebagai Pemegang Amanah 1 memegang amanah bagi pihak Norizah binti Abu Bakar 1/3 bhg. dan Abu Bakar bin Sulaiman sebagai Pemegang Amanah 3 memegang amanah bagi pihak Noraziah binti Abu Bakar 1/3 bhg.	2	3 29.89	2	3 29.89
2628	GM 424	Rokiah binti Said 1/1 bhg.	0	0 5.38	0	0 5.38
653	GM 1854	Mek Jah binti Haji Said 8/24 bhg., Rahmah binti Said 13/24 bhg. dan Siti Mani binti Abdullah 3/24 bhg.	1	2 36.92	1	2 36.92
650	GM 1851	Che Wan bin Senik 42/84 bhg., Ghazali bin Md. Amin 14/84 bhg., Habshah binti Abdul Kadir 3/84	2	0 13.1	2	0 13.1

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot		Lebih kurang Luas yang hendak Diambil	
			E. R.	P.	E. R.	P.
		bhg., Hashim bin Abdul Kadir 3/ 84 bhg., Ismail bin Abdul Kadir 3/84 bhg., Omar bin Abdul Kadir 3/84 bhg., Radzuyah binti Yamin 7/84 bhg., Rejab bin Abdul Kadir 3/84 bhg., Samsiah binti Ab. Kadir 3/84 bhg. dan Yahya bin Abdul Kadir 3/84 bhg.				
651	1852	Ayob bin Abdul Rahman 1/3 bhg. dan Omar bin Saman 2/3 bhg.	0 1	12.86	0 1	12.86
654	—	Hakmilik tidak dapat dikesan	0 0	11.05	0 0	11.05
Mukim—Bandar Baling. Daerah—Baling.						
652	GM 61	Abdul Rahman bin Ismail 1/2 bhg. dan Rahmah binti Said 1/2 bhg.	1 2	9.87	1 2	9.87

Bertarikh 9 November 2005

Dated 9 November 2005

[PSU(K) 700-1426. PTG.(K) L:38/2001(15C)]

FADZIL BIN ABDUL KADIR  
*Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian  
Kedah*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA